



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ISTIQAMAH DALAM BERAKHLAK

Tarikh Dibaca :

**9 RABIULAKHIR 1444H/
4 NOVEMBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءَ فِي آيَاتِهِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

ISTIQAMAH DALAM BERAKHLAK

4 NOVEMBER 2022 / 9 RABIULAKHIR 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ

عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغِيبِ بِئْسَ الْإِسْمُ

الْفُسُوقِ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar tidak berbual atau tidak bermain telefon ketika khutbah sedang disampaikan kerana ia termasuk dalam perkara yang *lagha* (sia-sia), berdalilkan hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Dan barangsiapa yang lagha maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”.* (Hadis riwayat Abu Daud)

Jadi, berikan tumpuan sebaiknya kepada khutbah yang akan disampaikan. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Istiqamah Dalam Berakhlak”**.

Khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus istiqamah mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar serta teguh memelihara silaturrahim. Semoga dengan kukuhnya persaudaraan dan kesatuan umat Islam akan menambahkan lagi kekuatan dan menjemput keberkatan dari Allah SWT. Selain itu, khatib ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam mengatur hidup manusia kepada suatu cara hidup yang sempurna dan beradab. Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW di tengah-tengah kejahilan, kebejatan akhlak dan kerosakan umat yang mewarisi amalan dan kepercayaan nenek moyang sejak zaman berzaman. Dalam kegelapan itu, maka Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW untuk menyalakan cahaya Islam dan menyempurnakan akhlak manusia. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak”.* (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Sebagai umat Islam, kita meyakini bahawa setiap perbuatan dan percakapan akan dicatat, kemudian dibenteng dan dibicarakan di hadapan Allah SWT kelak. Firman Allah SWT dalam Surah Yaasin ayat 12:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَعَاءَثْرَهُمْ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan. Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catatkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata”.*

Oleh sebab itu, kita perlu sentiasa berhati-hati dan berusaha mendidik diri untuk berbicara dan melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan perbuatan yang buruk dan sia-sia.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam suasana hari ini, negara kita dalam proses pelaksanaan Pilihanraya Umum Ke-15. Maka sudah tentu, setiap pihak sedang berusaha memenangi hati para pengundi. Dalam suasana kecanggihan teknologi hari ini juga, dan kemudahan media sosial yang banyak, pastinya ‘perang siber’ bertambah rancak dan meriah. Kemudahan-kemudahan yang ada haruslah digunakan secara bijak dan berhemah agar maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan tepat.

Walau bagaimanapun, dalam kerancangan berkempen ini, perlunya setiap pihak untuk sentiasa memelihara adab dan akhlak masing-masing sama ada secara fizikal mahupun secara maya. Beberapa perkara yang khatib ingin tekankan dalam khutbah pada hari ini agar ia menjadi ingatan kepada seluruh masyarakat, antaranya;

Pertama: Menggunakan kata-kata yang baik. Cuba kita lihat kembali kisah Nabi Musa dan Nabi Harun yang Allah SWT perintahkan supaya tetap berkata dengan baik dan lembut ketika menegur Firaun yang kejam dan zalim ketika itu. Kisah ini diceritakan dalam Surah Taha ayat 43-44 seperti berikut;

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: *“Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut”.*

Gunakan bahasa yang baik dan janganlah menggunakan kata-kata yang buruk seperti mengeji, mencaci dan mengutuk antara satu sama lain. Ketahuilah bahawa lidah merupakan cerminan hati. Jika baik pertuturan, maka baiklah hatinya. Sebaliknya, jika buruk pertuturan, maka buruklah hatinya.

Kedua: Berhujah dengan ilmu dan fakta yang benar. Setiap pihak mestilah mengemukakan hujah yang berasaskan ilmu, fakta dan kebenaran. Dalam masa yang sama, perlunya untuk menjauhi fitnah dan tohmahan yang sembrono. Kemudahan media sosial yang ada pada hari ini jangan digunakan untuk menabur fitnah dan membuat tuduhan dan tohmahan kepada pihak lawan masing-masing. Islam sangat mengambil berat tentang permasalahan ini hingga menetapkan bahawa setiap tuduhan mesti mengemukakan bukti dan saksi yang cukup. Maka tidak boleh sewenang-wenangnya kita menuduh orang lain tanpa ada bukti yang kukuh.

Ketiga: Memelihara aib sendiri dan aib orang lain. Sesuatu yang sangat membimbangkan pada hari ini ialah perbuatan mendedahkan aib diri sendiri dan aib orang lain. Kita menyaksikan pada hari ini bahawa dengan kecanggihan teknologi yang ada, mudahnya orang mendedahkan aib. Rasulullah SAW memberi peringatan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang menutupi (aib) seorang muslim, Allah akan tutupi aibnya di dunia dan akhirat. Allah selalu menolong hamba-Nya selama hamba-Nya menolong saudaranya”. (Muttafaqun ‘alaih)

Maka janganlah kita suka mendedahkan aib orang lain. Ingatlah bahawa dalam keterbukaan media sosial hari ini, semua orang termasuk golongan remaja dan anak-anak boleh melihat berita-berita yang timbul. Pastinya ia bukan suatu budaya yang baik untuk kita tinggalkan kepada generasi pelapis negara.

Keempat: Menjauhi sebarang bentuk provokasi dan ungkapan kebencian. Sebarang bentuk provokasi dan ungkapan kebencian yang berbentuk perkauman atau agama bukan hanya merosakkan perjalanan proses demokrasi negara bahkan ia menyebabkan kerosakan dan mudarat yang sangat besar kepada agama, bangsa dan negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seperkara yang sangat penting untuk khatib ingatkan kepada seluruh umat Islam juga ialah tentang pentingnya nilai integriti dalam diri kita termasuklah kepada pemimpin yang bakal dipilih. Integriti bermaksud mendirikan nilai *mahmudah* (terpuji) dan meninggalkan sikap *mazmumah* (tercela) dalam apa jua tanggungjawab yang diterima. Integriti juga merupakan komponen pelengkap kepada kesempurnaan seseorang manusia yang akan mewujudkan lanskap kehidupan yang lebih harmoni dan terhormat. Bagi kita umat Islam, pastinya keperibadian Rasulullah SAW – iaitu *al-sidq* (benar), *al-amanah* (dipercayai), *al-tabligh* (menyampaikan), dan *al-fatwah* (kebijaksanaan) - merupakan teladan utama yang patut menjadi rujukan sepanjang hayat kita. Dengan integriti yang berlandaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan kepada kekuatan rohani dan akidah yang kukuh merupakan penyelesaian terbaik kepada kemelut integriti seperti rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah dan sebagainya. Maka, bertepatan dengan **Hari Integriti Nasional 2022** pada 5 November setiap tahun, khatib menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus memantapkan nilai integriti dalam diri, keluarga,, komuniti masyarakat, organisasi dan kepimpinan negara seluruhnya supaya negara ini dapat dipacu kepada kemajuan yang holistik dalam keadaan dipimpin dengan ketinggian integriti.

Begitulah, secara ringkas sebahagian peringatan yang ingin khatib tekankan dalam khutbah minggu ini. Perlunya peringatan demi peringatan disampaikan supaya kita semua tidak terbabas dari landasan ajaran Islam yang sebenar walau dalam apa jua situasi yang kita hadapi. Kekal *istiqamah*lah dengan adab dan akhlak mulia. Ingatlah bahawa Islam itu tinggi dan mulia. Maka jangan dicemarinya dengan kerakusan nafsu dan gejolak emosi yang meluap-luap. Kawal diri dengan sebaiknya agar kita sentiasa bertindak mengikut piawaian nilai-nilai Islam.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam ayat ke-36 dari Surah al-Israa':

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
 اللَّهُمَّ ايدِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ
 مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةِ الدِّينِ
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغْ،
 تُونُوكُو حَاجِهٖ عَزِيزِهٖ أَمِينِهٖ مِيمُونِهٖ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ
 إِسْكَندَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ اعِزِّ الْأِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،
 وَأَخِذْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ﴾

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.